



## **SIARAN MEDIA**

### **MAJLIS PELANCARAN KLUSTER SANGKAR IKAN MARIN KG. KENIOGAN, BELURAN ,SABAH**

1. Majlis Pelancaran Kluster Sangkar Ikan Marin, Kg. Keniogan, Beluran telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian Dan Industri Makanan pada 7 September 2020.
2. Kluster Sangkar Ikan Marin, Kg. Keniogan, Beluran merupakan salah satu daripada lapan (8) projek pembangunan akuakultur yang menggunakan pendekatan secara kluster yang akan dibangunkan pada tahun ini. Sebelum ini sebanyak 10 projek kluster ternakan ikan dalam sangkar telah dibangunkan di seluruh negara.
3. Khusus untuk Kluster Sangkar Ikan Marin, Kg. Keniogan, peruntukkan sebanyak RM 1.4 juta akan disalurkan. Terdapat seramai 20 orang penternak ikan dengan 115 petak sangkar ikan sedia, yang aktif di Kg Keniongan telah terpilih. Bantuan akan disalurkan dalam bentuk tambahan 160 unit petak sangkar baru, stor penyimpanan, benih ikan dan makanan ikan. Disasarkan sebanyak 30 tan matrik ikan dengan nilai RM 1 juta akan dihasilkan setahun.
4. Pada hari ini juga Jabatan Perikanan telah mengadakan taklimat Pengurusan Ternakan Ikan Dalam Sangkar dan taklimat Amalan Akuakultur Baik (MyGAP) kepada 40 orang penternak ikan dalam sangkar di Beluran.
5. Ikan merupakan salah satu sumber protein haiwan utama kepada rakyat negara kita. Oleh itu, jaminan bekalan sumber ini amatlah dititik beratkan dalam perancangan pembangunan. Penggunaan ikan per kapita (per capita consumption) negara ini adalah 46.9 kg setahun. Penggunaan ini merupakan kedua tertinggi di Asia Tenggara selepas Cambodia (63.2 kg per kapita setahun).

Penggunaan ikan di Malaysia juga adalah lebih tinggi daripada purata penggunaan per kapita dunia (20.5 kg per kapita setahun).

6. Sumber perikanan tangkapan dunia telah dieksploitasi pada tahap hampir maksima dan adalah dijangka jika ia tidak diuruskan dengan baik, sumber perikanan tangkapan diancam kepupusan menjelang tahun 2048. Keperluan tambahan pengeluaran ikan negara akan bergantung kepada pengeluaran daripada industri akuakultur.
7. Self sufficiency level (tahap kecukupan) ikan pada masa kini adalah tinggi iaitu 92.09%. Kadar ini adalah antara yang tertinggi bagi sumber protein haiwan seperti ayam, ruminan dan daging haiwan lain. Produk perikanan bernilai tinggi terutamanya hasil akuakultur juga dieksport ke luar negara seperti Singapura, China, Kesatuan Eropah, Jepun dan Australia. Nilai eksport produk perikanan bagi tahun 2018 adalah RM 3.1 bilion.
8. Pengeluaran sektor akuakultur negara telah disasarkan kepada 958,000 ribu tm menjelang tahun 2030 merangkumi pengeluaran dari sektor akuakultur marin, akuakultur air tawar dan juga rumpai laut. Bagi merealisasikan sasaran ini Kerajaan menggunakan pendekatan pro-business environment agar pembangunan sektor akuakultur dapat dipacu melalui projek-projek berskala besar dan berimpak tinggi. Di samping itu, strategi dan pendekatan meningkatkan produktiviti sistem ternakan sediaada turut dilaksanakan dengan menggalakkan pembangunan projek akuakultur dalam skala kecil dan sederhana secara berkelompok atau Kluster.

###

Siaran media ini disiarkan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya